

# Segera selesai masalah KUIN

» EXCO baru tumpu tingkat imej kolej universiti

Oleh Maria Uffa Zulkafeli  
bhnews@mediaprima.com.my

► Kuala Nerang

**K**erajaan negeri meletakkan keutamaan untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang melanda Kolej Universiti Insaniah (KUIN) dalam masa terdekat.

EXCO Pendidikan, Pengangkutan dan Kerja Raya, Datuk Tajul Urus Mat Zain, berkata ia termasuk isu penempatan pelajar di kampus Kuala Ketil, sejak institusi pendidikan itu diuruskan oleh kerajaan PAS Kedah sebelum ini.

## Beri keutamaan isu KUIN

"Kita sedar sejak lima tahun berada di bawah pentadbiran PAS, banyak masalah melanda KUIN yang tidak dapat diselesaikan dengan baik sehingga mencemarkan imej kolej universiti itu sendiri.

"Justeru, apabila diberi amanah memegang portfolio pendidikan, saya melihat isu KUIN harus diberi keutamaan dalam menyelesaikan masalah pendidikan di negeri ini kerana tidak mahu masalah itu terus menjejaskannya," katanya.

Sejak diambil alih oleh Ke-



Tajul Urus (tengah) melihat gambar arwah ayahnya **sambil ditemani Munah (atas tiga dari kanan) bersama adik beradiknya** di Kampung Baru, Kuala Nerang. [FOTO AZHAR RAMLI/BH]

“**Kita akan menyelesaikan semua masalah membabitkan KUIN kerana tidak mahu pelajar menjadi mangsa”**

**Tajul Urus Mat Zain,**  
EXCO Pendidikan,  
Pengangkutan dan Kerja Raya

rajaan PAS Kedah pada 2008, KUIN dilanda pelbagai isu antaranya membabitkan kebijakan pelajar dan kakitangan termasuk isu penggunaan bangunan kuliah di kampus Kuala Ketil sebagai tempat penginapan sementara pelajar.

Pada masa sama, Tajul Urus yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Dawai berkata, beliau tidak mahu KUIN terus menjadi bahan politik sebaliknya mahu institusi itu ditadbir dengan cekap bagi memastikan ia

menjadi pusat pendidikan yang disegani.

## Tak mahu pelajar jadi mangsa

"Kita akan menyelesaikan semua masalah membabitkan KUIN kerana tidak mahu pelajar menjadi mangsa di atas semua kemelut yang melanda KUIN sebelum ini.

Terdahulu, Tajul Urus pulang ke kampungnya di Kampung Baru di sini untuk menemui ibunya, Munah Kasa, 87, bagi mendapat restu menjalankan tugas dan amanah.